

“Perbuatan menulis di media sosial termasuk membawang atau bergosip, penghasut anti-vaksin, penyebaran berita palsu atau body shaming adalah contoh pelanggaran terhadap Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998”.



Zaman dunia teknologi kini telah banyak mengubah cara kehidupan masyarakat. Dari aspek urusan jual beli menjadi semakin mudah, maklumat dan berita terkini tersebar dengan lebih pantas, sehingga pembelajaran di alam maya juga telah menjadi norma baharu dalam kalangan pelajar. Keadaan ini dilihat akan terus berterusan untuk masa akan datang. Media sosial pada hari ini memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita dan semakin disukai oleh masyarakat dunia.

Setiap hari pengguna media sosial semakin bertambah kerana pelbagai aplikasi yang wujud dan menawarkan keunikan dan kelebihan masing-masing kepada pengguna, antaranya Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok. Namun begitu, tidak semua pengguna di media sosial ini berjaya mengawal akaun media sosial peribadi mereka untuk memberikan kebaikan kepada semua. Buli siber adalah salah satu isu yang semakin menjadi semakin runcing sehingga terdapat insiden di mana mangsa membunuh diri akibat tekanan perasaan kesan daripada buli siber.

Hakikatnya, Malaysia berada di tangga ke-2 Asia dan nombor 6 di dunia dalam kategori ancaman buli siber ini. Buli siber adalah suatu fenomena yang menjadi barah disebabkan oleh pengembangan akses Internet. Perbuatan buli siber semakin meningkat di setiap negara termasuk Malaysia tetapi tidak banyak negara yang mempunyai undang-undang khas buli siber.


**Pemahaman Buli Siber**

Buli siber adalah suatu perbuatan mengancam,

# BULI SIBER DI MALAYSIA:

## Caknakah Kita?

Oleh: Mohd Syahril Ibrahim



memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (SMS), *chatting*, e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet. Jenis-jenis buli siber adalah seperti Gangguan Berterusan (*Harassment*), Pemalsuan Maklumat, Fakta, Foto atau Video (*Denigration*), Penyebaran Berita Berbentuk Provokasi (*Flaming*), Penyamaran, Pemalsuan Akaun Media Sosial Serta Kecurian Identiti (*Impersonation*), Pemerdayaan dan tipu helah (*Outing and Trickery*), Penghendapan Siber (*Cyber Stalking*), Penyisihan (*Exclusion*), Ugutan dan Grooming (*Blackmail and Grooming*), dan Penyebaran Gambar Tidak Senonoh (*Inappropriate images*).

Penggunaan teknologi yang tiada sempadannya menjadikan pembuli siber lebih berani dengan membuat tindakan mendera mangsa secara emosi dan mental dengan menggunakan kata-kata yang negatif dan kesat. Banyak faktor mendo-

rong kepada jenayah buli siber ini dan selalunya berpunca daripada ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu atau kumpulan tertentu sama ada atas sebab perilaku, kemewahan, penampilan dan sebagainya yang ada pada mangsa.

**Pemakaian Undang-Undang Sedia Ada**

**Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998** berkaitan larangan terhadap pemberian kandungan jelic.

*(1) Tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang subrang, lucah, palsu, mengancam atau jelic sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.*

Berdasarkan peruntukan ini telah jelas bahawa

aktiviti seperti buli siber, pornografi, menghantar virus, menyebarkan fitnah mahupun berita palsu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen ini dan sekiranya melanggar **Seksyen 211(1)** maka boleh dikenakan denda dan hukuman penjara di bawah **Seksyen 211(2)** iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh 1 tahun atau kedua-duanya.

Seterusnya, **Seksyen 233 Akta** yang sama turut memperuntukkan mengenai kesalahan penyalahgunaan kemudahan rangkaian mahupun perkhidmatan rangkaian. Berdasarkan Seksyen ini, seseorang itu tidak boleh menggunakan rangkaian untuk membuat atau menghantar apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lucah, palsu, subrang, dan mengancam dengan niat mengganggu orang lain serta boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

Perbuatan menulis di media sosial termasuk membawang atau bergosip, penghasut anti-vaksin, penyebaran berita palsu, atau body shaming adalah contoh pelanggaran terhadap **Seksyen 233**.

Selain dari **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998**, terdapat beberapa Akta lain yang turut boleh disabitkan dengan jenayah buli siber. Sebagai contoh, **Akta Kerja 1955** yang berkaitan dengan gangguan seksual di tempat kerja seperti lawak jenaka atau ancaman yang dilakukan secara dalam talian sehingga menyebabkan ketakutan, ketidakselesaan dan ancaman kepada mangsa semasa bekerja.

Menariknya, sekiranya berlaku aktiviti penggodaman terhadap akaun rasmi seseorang dengan menyebabkan berlakunya buli siber yang berpunca daripada akaun tersebut, penggodam tersebut boleh disabitkan di bawah **Akta Jenayah Komputer 1997**. Seterusnya, **Akta Fitnah 1957** juga boleh terpakai terhadap pembuli siber sekiranya perbuatan menerbitkan sesuatu bahan di laman media sosial yang berunsur fitnah dan tidak benar. Di sini dapat dilihat jenayah buli siber ini boleh dibaca sekali dengan perbuatan lain yang turut menyalahi undang-undang yang sedia ada.

Mahkamah juga turut tidak menyokong perbuatan buli siber dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Di dalam kes **Masyitah bt Md Hassan v Sakinah bt Sulong [2021] 7 MLJ 144**



## MOHD SYAHRIL IBRAHIM

 syah86@uitm.edu.my

### PROFIL

Syahril merupakan seorang pensyarah undang-undang di UiTM Kampus Seremban dan telah berkhidmat semenjak September 2014.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2010.

Pada tahun 2012, beliau telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam mengajar subjek undang-undang antaranya ialah Undang-Undang Perdagangan, Undang-Undang Sukan dan Sistem Perundangan Malaysia.

Beliau bukan sahaja menabur khidmat sebagai ahli akademik di UiTM, malah turut terlibat di bahagian pentadbiran universiti, serta menggalas tanggungjawab selaku wakil Penasihat Undang-Undang di peringkat cawangan.

Dahulunya, Syahril merupakan seorang yang aktif bersukan, seperti bermain badminton, bowling dan bola tampar. Namun seiring dengan peningkatan usia, kini beliau lebih aktif menonton rancangan sukan di televisyen sahaja.



terkini dan relevan.

Peranan pemilik aplikasi media sosial itu sendiri juga adalah penting untuk membangunkan ciri-ciri khas bagi tujuan menyekat dan mengurangkan kecenderungan untuk aktiviti buli siber terus berleluasa. Sebagai contoh, Twitter Inc telah memperkenalkan ciri terbaru bagi mengawal penggunaanya membalas ciapan yang dimuat naik seseorang bagi menghindari pandangan negatif dan kelakuan buli siber di laman sosial tersebut. Selain itu, laporan secara berterusan terhadap pengguna yang menyalahgunakan platform sosial media mereka turut dapat membendung aktiviti buli siber dari terus merebak.

Oleh yang demikian, setiap individu berperanan untuk menghentikan budaya membuli di alam siber dengan tidak menyokong dari awal akan perbuatan ini, sama ada dengan melaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya, mengambil cakna terhadap undang-undang dan literasi media, sehinggalah membuat laporan beramai-ramai kepada pentadbir aplikasi yang berkaitan berkenaan penyalahgunaan laman sosial oleh pembuli siber tersebut.

Memetik kata-kata seorang selebriti terkenal Malaysia, Neelofa: *"tidak pasti, jangan kongsi"*.

dengan kesalahan yang lain seperti perbincangan di atas, ia juga tidak mempunyai badan penguatkuasa yang khusus.

Sebagai contoh, tiada mana-mana peruntukan di dalam **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998** yang membenarkan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menangkap penjenayah siber. Hal ini menyebabkan pihak SKMM hanya bertindak sebagai tempat untuk menerima aduan, menyiasat dan menyekat laman-laman yang melanggar peraturan di bawah **Seksyen 211 dan 233**. Justeru, SKMM perlu bergantung kepada bantuan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana PDRM mempunyai kuasa untuk menangkap. Selain itu, ia juga mengambil masa yang agak lama untuk membawa pesalah ke muka pengadilan.

### Cadangan Dan Rumusan

Penulis percaya bahawa Malaysia dalam usaha mengikut jejak langkah negara maju yang lain dalam membanteras jenayah buli siber yang lain dengan pelaksanaan undang-undang yang lebih ketat, namun pelbagai kesedaran dan aktiviti yang dilakukan khususnya oleh pihak kerajaan dan swasta terutamanya menyedarkan kepada pengguna media sosial supaya lebih peka dan ambil cakna akan perkara ini.

Antara langkah proaktif yang giat dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam melindungi mangsa jenayah buli siber ini adalah usaha sama oleh Kementerian, Pihak Berkuasa dan Badan Bukan Kerajaan seperti PDRM, SKMM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Talian Kasih, Mercy Malaysia, Talian BeFriends, Platform Media Sosial (Facebook, Twitter, Instagram) dan boleh juga melaporkan insiden keselamatan siber kepada Pusat Bantuan Cyber 999.

Walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang boleh disabitkan terhadap pembuli siber ini, namun terdapat kebimbangan undang-undang tersebut tidak khusus untuk menyelesaikan isu melibatkan dunia teknologi yang semakin berkembang. Suatu perundangan khas perlu diwujudkan bagi mengawalselia aktiviti buli siber yang semakin berleluasa, termasuk meneliti konsep buli siber mencakupi definisi yang lebih meluas dan jenis aktiviti yang terlibat, dan undang-undang ini boleh membaca peredaran teknologi yang semakin pesat agar ia sentiasa

Mahkamah Tinggi mendapati tindakan defendan membuat dan menerbitkan hantaran di laman Facebook milik beliau dengan tuduhan fitnah terhadap plaintif, dan memberi respon kepada komen yang dibuat yang berpunca daripada hantaran tersebut, dengan respon yang menuduh dan tidak baik adalah sangat tidak wajar. Defendan bukan hanya memfitnah dan memburukkan plaintif, malahan sebenarnya telah melancarkan kempen untuk menjatuhkan plaintif yang menyebabkan plaintif menjadi mangsa buli siber. Mengambil kira tindakan defendan yang tidak wajar tersebut, mahkamah berpendapat bahawa pemberian RM100,000 untuk ganti rugi teladan/punitif terhadap plaintif adalah wajar, adil dan saksama.

### Cakna Undang-Undang Dan Celik Media

Sekiranya seseorang dibuli menerusi suatu hantaran atas talian, ia akan meninggalkan kesan besar dalam kehidupan mangsa berikutan maklumat berkenaan boleh diakses secara meluas oleh pengguna Internet yang lain. Malah, ia turut akan meninggalkan kesan emosi yang panjang terhadap mangsa disebabkan komen menyakitkan yang dilemparkan oleh warga siber selagi mana data tersebut tidak dipadamkan.

Pengguna media sosial sering menggunakan frasa kebebasan bersuara di akaun peribadi sebagai tiket untuk mempertahankan diri sekiranya dilabel sebagai pembuli siber. Ia seolah-olah membenarkan mereka untuk terus menulis dan berkongsi hantaran selain berbalas komen tanpa ada batasan. Hal ini terjadi disebabkan kurangnya pemahaman undang-undang terhadap kebebasan bersuara selain daripada kurangnya pendidikan mengenai literasi media.

Literasi media yang merujuk kepada keupayaan masyarakat dalam mengakses, memahami, menganalisis dan menilai sesuatu kandungan mesej atau maklumat, turut berkait rapat dengan kematangan mereka dalam mengendalikan teknologi komunikasi siber. Literasi media atau celik media sangat penting dalam konteks kehidupan semasa yang memerlukan rakyat mengamalkan kawalan sendiri terhadap media sosial masing-masing.

Tiada perundangan khas mengawal selia buli siber juga dilihat sebagai satu cabaran untuk terus membendung isu ini dari terus merebak. Selain daripada kesalahan buli siber ini dibaca sekali

